

Headline	Tengku Maimun, Ismail ketuai senarai		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	4	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	448 cm ²
Journalist	Oleh BADRUL ISA	AdValue	RM 8,854
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,563



Pengurniaan darjah kebesaran sempena Hari Keputeraan Rasmi Agong

Tengku Maimun, Ismail ketuai senarai

Oleh BADRUL ISA
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 SEPT.

KETUA Hakim Negara, Datuk Seri Tengku Maimun Tuan Mat mengetuai senarai 42 penerima Darjah Kebesaran Persekutuan bagi istiadat pengurniaan hari pertama sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, esok.

Beliau dianugerahkan darjah kebesaran Panglima Mangku Negara (PMN) yang membawa gelaran Tan Sri bersama dua lagi individu penerima iaitu Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ismail Abu Bakar dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin.

Seramai 15 individu lagi dianugerahkan darjah kebesaran, Panglima Setia Mahkota (PSM) yang turut membawa gelaran Tan Sri antaranya Peguam Negara, Tommy Thomas; Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Mohammad Ariff Md. Yusof; Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk



TENGGU MAIMUN



ISMAIL ABU BAKAR



ZULKIFLI ZAINAL



TOMMY THOMAS



MOHAMAD ARIFF



ABDUL HAMID BADOR



ALWI IBRAHIM



AHMAD HASBULLAH



AZHAR AZIZAN HARUN



ABD. LATIF MOHMOD



ZULKIFLI MOHAMAD



AZUAN AFFENDY

Seri Borhan Dolah.

Turut menerima anugerah tersebut Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Alwi Ibrahim; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Ahmad Badri Mohd. Zahir dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Seri Ahmad Hasbullah

Mohd. Nawawi.

Sementara itu, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Azhar Azizan Harun merupakan antara 21 individu penerima yang dianugerahkan Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran Datuk.

Penerima PJN lain ialah Ketua

Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir; Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod; Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad dan Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia

(FAM), Datuk Hamidin Mohd. Amin.

Dalam pada itu, tiga individu dianugerahkan Panglima Setia Diraja (PSD) yang membawa gelaran Datuk dan antara penerimaanya ialah Datuk Paduka Maharaja Lela, Istana Negara, Azuan Effendy Zairakithnaini.